

212 dipindahkan di Kuantan

KUANTAN 6 Jan. – Seramai 212 mangsa banjir dari empat buah kampung di daerah ini dipindahkan ke tiga pusat pemindahan banjir yang dibuka kira-kira pukul 11 pagi ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, daripada jumlah tersebut, 193 mangsa adalah dari Taman Seberang Balok dan Kampung Balok.

Menurut beliau, mereka kini ditempatkan di Dewan Orang Ramai Balok, manakala dua mangsa dari Kampung Bukit Palas dipindahkan ke Balai Raya Chendor.

“Seramai 17 orang lagi dari Kampung Cherating ditempatkan di Balai Raya Cherating,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau juga berkata, disebabkan paras air yang tinggi, laluan di Kilometer 18 Kuantan-Kemaman berhampiran Aspa Cottage hanya dibuka untuk kenderaan berat.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Balok, Mohd. Zainon Ali berkata, pusat pemindahan

itu mula dibuka sebaik sahaja kawasan berkenaan dinaiki air.

“Sebaik dibuka, seramai 61 orang daripada 12 keluarga sudah mendaftar di pusat pemindahan.

“Kami jangkakan lebih ramai akan mendaftar di pusat pemindahan ini kerana hujan masih berterusan dan lebih banyak rumah dinaiki air, termasuk di Sungai Karang Darat,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Hadir sama di pusat pemindahan berkenaan bagi memantau perkembangan mangsa banjir ialah Pegawai Daerah, Datuk Mariam Ismail.

Menurutnya, sebuah bot akan dihantar ke kampung berkenaan memandangkan terdapat beberapa penduduk di 20 buah rumah yang terperangkap dan tidak dapat berpindah kerana kawasan di sekelilingnya dinaiki air.

Sementara itu, seramai 900 pelajar Sekolah Kebangsaan Pelabuhan di Balok Makmur dibenarkan pulang pada kira-kira pukul 10.15 pagi selepas pekarangan sekolah dan beberapa kelas dinaiki air sehingga kira-kira 0.5 meter.



PENDUDUK Balok Timur meredah banjir selepas kampung mereka dinaiki air setelah hujan lebat sejak semalam.